



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 835

AKTA KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2022

Tarikh Perkenan Diraja 4 Mac 2022

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 16 Mac 2022

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 835

AKTA KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2022

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Pemansuhan Akta Kilang dan Jentera 1967
4. Tindakan, dsb., yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan
5. Permohonan yang belum selesai, dsb.
6. Penerusan prosiding undang-undang, dsb.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 835

AKTA KILANG DAN JENTERA (PEMANSUHAN) 2022

Suatu Akta untuk memansuhkan Akta Kilang dan Jentera 1967.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2022.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, “Akta yang dimansuhkan” ertinya Akta Kilang dan Jentera 1967 [*Akta 139*].

Pemansuhan Akta Kilang dan Jentera 1967

3. Akta Kilang dan Jentera 1967 dimansuhkan.

Tindakan, dsb., yang dibuat di bawah Akta yang dimansuhkan

4. (1) Apa-apa pendaftaran yang dibuat, atau perintah, notis, arahan, kuasa bertulis, kebenaran, perakuan kelayakan, skim pemeriksaan khas atau perakuan kekompetenan yang diberikan atau dikeluarkan, di bawah Akta yang dimansuhkan hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*].

(2) Walau apa pun subseksyen (1), apa-apa notis yang dikeluarkan di bawah subseksyen 19(2), 39(3) atau 40(4) Akta yang dimansuhkan hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta yang dimansuhkan seolah-olah Akta yang dimansuhkan tidak dimansuhkan.

Permohonan yang belum selesai, dsb.

5. Perkara yang berikut hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, diuruskan di bawah Akta yang dimansuhkan seolah-olah Akta yang dimansuhkan tidak dimansuhkan:

- (a) apa-apa permohonan yang belum selesai yang dibuat berhubung dengan suatu perakuan kekompetenan atau kuasa bertulis di bawah subseksyen 29(2) Akta yang dimansuhkan;
- (b) apa-apa permohonan bagi kebenaran bertulis yang belum selesai berhubung dengan penggunaan mana-mana premis sebagai kilang di bawah subseksyen 34(2) Akta yang dimansuhkan;
- (c) apa-apa permohonan bagi kebenaran bertulis yang belum selesai berhubung dengan pemasangan jentera di bawah subseksyen 36(1) Akta yang dimansuhkan;
- (d) apa-apa pemeriksaan yang belum selesai di bawah subseksyen 36(3) Akta yang dimansuhkan;
- (e) apa-apa rayuan yang belum selesai di bawah subseksyen 36(6) Akta yang dimansuhkan;
- (f) apa-apa pemeriksaan berkala yang belum selesai di bawah seksyen 40 Akta yang dimansuhkan; atau
- (g) apa-apa permohonan bagi kebenaran yang belum selesai berhubung dengan suatu skim pemeriksaan khas di bawah subseksyen 40(5) Akta yang dimansuhkan.

Penerusan prosiding undang-undang, dsb.

6. Apa-apa prosiding undang-undang, pendakwaan jenayah atau penyiasatan yang belum selesai, atau apa-apa hukuman yang dikenakan atau tindakan yang diambil, sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini berkenaan dengan suatu kesalahan atau kemungkiran di bawah Akta yang dimansuhkan, boleh dimulakan, diteruskan atau dikuatkuasakan seolah-olah Akta yang dimansuhkan tidak dimansuhkan.